

Semua Pulang Dengan Selamat

Meningkatkan Tahap Keselamatan



Sarawak Energy melancarkan Peraturan Keselamatan Nyawa (LSR) dan menjadikan Kecemerlangan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) sebagai salah satu daripada lima fokus utamanya awal tahun ini. Matlamatnya supaya semua pekerja serta kontraktor mengubah keutamaan ini menjadi satu nilai yang terpahat dalam hati dan minda masing-masing.

Budaya keselamatan yang kukuh berupaya memisahkan kedudukan sesebuah organisasi korporat berbanding yang lain. Selain meningkatkan nilai jenama, ia juga penting dalam mengukuhkan keyakinan rakan kongsi perniagaan, pelabur serta pelanggan Sarawak Energy kerana hakikatnya, tiada siapa yang mahu bekerjasama dengan organisasi yang tidak selamat.

Keselamatan Sebagai Keutamaan Tertinggi

Insiden melibatkan keselamatan yang direkod kontraktor Sarawak Energy merupakan kebimbangan utama. Justeru, sebuah inisiatif sedang aktif dijalankan untuk mengubah pemikiran dan menjadikan pengurusan HSE yang fokus terhadap Kecemerlangan dan Disiplin Operasi HSE sebagai satu amalan dalam diri seseorang kontraktor. Inisiatif ini juga selaras dengan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (DOSH) untuk dicapai pada 2020.

Tidak lupa, Usaha Perkongsian Strategik sudah tersedia untuk membimbing kontraktor menguasai HSE. Antara peralatan yang digunakan termasuk Analisis Jurang, yang dilakukan melalui Soal Jawab Keupayaan HSE bagi mengenal pasti sejauh mana perbezaan dalam pemahaman mereka.

Jabatan HSSE Sarawak Energy komited dalam membantu kontraktor melaksanakan sistem Pengurusan HSE, berpandukan OSHAS 18001 sebagai platform. Ini sebahagian daripada inisiatif di bawah fokus utama Sarawak Energy.

Sarawak Energy juga sedang berusaha untuk lebih memahami elemen ergonomik yang mendorong kepada suasana bekerja yang produktif dan kondusif, dalam menerapkan pegangan bahawa "pekerja adalah aset paling berharga kami".

Inisiatif utama termasuk:

Minggu HSE – Acara tahunan Sarawak Energy ini merupakan platform penting untuk menggalakkan perkongsian tanggungjawab, meningkatkan kesedaran serta menyemai budaya keselamatan yang kukuh. Tahun ini, syarikat ini telah memperkenalkan mascot keselamatan **BOLT** – gabungan akronim **Be aware (peka), Open your mind (buka minda), Look at your surroundings (perhatikan sekeliling), dan Take care of yourself and your co-workers (Jaga diri sendiri serta rakan sejawat anda).**


Peraturan Keselamatan Nyawa (LSR) – LSR ini direka khas untuk mewujudkan pendekatan yang lebih fokus terhadap mencapai sifar kemalangan, memastikan tugas dilaksanakan dengan selamat, juga memperbaiki prestasi Sarawak Energy secara keseluruhan. Kesemua kakitangan Sarawak Energy, serta anak syarikat dan kontraktor perlu mematuhi LSR pada setiap masa, tidak kira di mana sahaja mereka berada ketika menjalankan aktiviti syarikat.




Pelancaran Minggu Keselamatan HSE 2017

PERATURAN KESELAMATAN NYAWA SARAWAK ENERGY (LSR)


KESELAMATAN UMUM



Dilarang merokok di luar kawasan yang dihaskan




Dilarang mengambil alkohol atau dadah semasa bekerja atau memandu




Pakai tali pinggang keledar, jangan menggunakan telefon bimbit dan jangan melebihi had laju semasa memandu


KESELAMATAN TAPAK & LAPANGAN




Bekerja dengan Permit Kerja (PTW) yang diluluskan dan sah




Sahkan dan mengesahkan semula Pengasingan Tenaga (Proses LOTO) sebelum menjalankan sebarang kerja melibatkan tenaga berbahaya




Dapatkan kebenaran sebelum mematikan atau mengatasi peralatan keselamatan kritikal termasuk menukar dan mengubahsuai




Dapatkan kebenaran sebelum memasuki ruang terkurung




Pakai dan jaga Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) yang sesuai



Lindungi diri anda daripada terjatuh ketika bekerja di tempat tinggi



Dilarang berjalan dan bekerja di bawah muatan tergantung



Dilarang bekerja berhampiran atau di bawah talian atas elektrik jika jarak selamat diragui



Peralatan keselamatan dan perlindungan diri amat penting



Safety Mascot

BOLT

- Be aware
- Open your mind
- Look at your surroundings
- Take care of yourself and your co-workers

Proses Keselamatan – Program latihan yang bertumpu kepada Proses Keselamatan, sebuah rangka kerja berdisiplin bagi menguruskan bahaya kemalangan besar yang melibatkan pelepasan bahan atau tenaga berbahaya (stim, cecair, hasil kondensasi, kimia, elektrik dan sebarang bahan berbahaya lain).

Program Orientasi HSE - Ini merangkumi pelbagai aspek keselamatan penting dalam operasi seharian. Program Orientasi HSE yang komprehensif ini bagi memastikan pekerja mematuhi garis panduan yang ditetapkan, prosedur syarikat dan melaksanakan amalan keselamatan terbaik ketika menjalankan tugas.

Tumpuan Program:

- Langkah yang diambil dalam mengenal pasti dan mengurangkan bahaya, membantu mengelak kemalangan, serta memperbaiki keadaan persekitaran bekerja yang tidak selamat.
- Menggalakkan pekerja lebih pro-aktif dalam mengutarakan sebarang isu berkaitan HSE demi kesejahteraan rakan sejawat, insan di sekeliling, juga diri sendiri.
- Mewujudkan sikap peribadi yang positif terhadap keselamatan.